



جَيَّاتُ مُفْتَهِ الْجَاهَانَ

JABATAN MUFTI KERNAJAN

JAWATAN BERWAKIL YDPN/PPR

SEKUTU BIRU/BERMUSLIMAH DAN

Tahun 7 Bilangan 4

Ramadhan - Zulkaedah 1424 Oktober - Disember 2003

## SYUKURI NIKMAT KEAMANAN DAN KEMAKMURAN

Oleh Haji Mohidin Haji Mustapha

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam supaya bersyukur di atas kurnia nikmat kebahagiaan dan keamanan yang

dikecapi di negara ini, berbanding dengan ramai lagi warga dunia daripada kalangan saudara-saudara kita yang seagama yang tidak mempunyai peluang seperti yang kita nikmati.

Dalam situasi sedemikian, titah baginda, bagaimanakah mungkin untuk

(Bersambung ke muka 3)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah para jemaah di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, sebaik saja selesa menuaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri.

- 5** Menghadiri Upacara Pengkebumian Mayat Di Gereja  
**10** Melipatganda Pahala dan Membenteng Diri Dengan Hauqalah

- 16** Missing the Friday Prayer  
**21** Memperlindungkan Puteri, Menantu Dan Anak Cucu Dengan Allah Ta'alaa.

Suratberita ini mengandungi ayat/ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabuwallah 'alaihi wasallam. Jagalah ia dengan sempurna

# SYUKURI NIKMAT KEAMANAN



Tahun 7 Bilangan 4 Ramadhan - Zulkaedah 1424 Oktober - Disember 2003

K eamanan dan kemakmuran bagi sesebuah negara adalah suatu keadaan yang sangat diinginkan oleh setiap orang di dunia ini. Sebab situasi yang sedemikian sangat menentukan dalam keberkesanan proses pelaksanaan pembangunan bangsa dan negara. Hampir setiap hari, kita melihat dan mendengar melalui media massa dari elektronik, beberapa tempat di dunia ini sedang dilanda kekacauan dan perperangan. Pembangunan dan kemajuan tidak dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan. Pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial, politik, perhubungan dan lain-lain lagi di negara-negara yang terbabit terbantut dan tidak dapat berkembang. Akibatnya negara berkenaan akan tertinggal jauh ke belakang dan tidak dapat membangun dengan sebaiknya.

Inilah antara perkara yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut 'Idul Fitri 1424 yang baru lalu. Memang benar, seperti yang dititahkan itu, bagaimanakah mungkin negara-negara yang berkenaan itu mencapai keamanan, sedangkan perperangan dan kekacauan terus melanda, ekonomi runtuh dan struktur masyarakat binasa kerananya.

Amat menyediakan lagi, umat yang terlibat dalam kancang yang membingungkan itu sebahagian besarnya ialah negara yang didiami

oleh umat Islam. Kehidupan mereka sentiasa dalam situasi ketakutan dan kebimbangan. Setiap hari terjadi pencerobohan, pembunuhan, pengeboman dan sebagainya. Semuanya menimbulkan ketakutan dan menjadikan kehidupan mereka tidak selesa dan amat menyusahkan.

Di dalam titah sempena Hari Raya yang lalu itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah memberikan gambaran betapa jauhnya perbezaan hidup yang kita capai di negara ini berbanding dengan umat Islam di negara-negara tersebut. Di negara kita, kita cukup segala-galanya, tetapi di sana mungkin saja untuk membeli rotipun mereka susah. Hatta duduk beribadat di dalam masjidpun perasaan belum tentu aman.

Di sinilah ukurannya betapa nikmat keamanan itu sangat tinggi harganya, suatu nikmat kurniaan Allah yang tidak ternilai bagi kehidupan umat manusia. Oleh kerana itu, sewajarnyalah bagi kita semua yang sedang mengecapi nikmat keamanan ini akan terus berazam untuk mengekalkannya sampai bila-bila bagi kebahagiaan dan kesejahteraan kita semua turun temurun. Hendaknya kita bersiap sedia bagi mempertahankannya secara total daripada sebarang anasir yang ingin menggugatnya. Hatta dengan jiwa dan raga, kita tetap utuh bersama demi mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman lagi makmur untuk selamanya. ■

## SIDANG PENGARANG

### KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran.

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha  
Ketua Bahagian  
Penerbitan dan Penerangan

### PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin  
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jaill  
Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Awang Haji Duraman bin Haji Kula  
Haji Mas Redhuan bin Haji Jumat  
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak  
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah  
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal  
Pg. Ibrahim bin Pg. Hj. Bakar  
Haji Abu Qasim bin Haji Ismail

### URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

### PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,  
Jabatan Mufti Kerajaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih  
atas ehsan Foto  
kepada:*

*Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam*

**(Dari muka 1)**

mengecapi keamanan, sedangkan pererangan dan kekacauan terus melanda, ekonomi runtuh dan struktur masyarakat binasa kerananya? Menurut titah baginda lagi, inilah hakikat yang sedang dialami oleh umat Islam di beberapa tempat di bahagian dunia ini yang mahu tidak mahu telah turut mencuit perasaan kita. Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena menyambut 'Idul Fitri yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 1 Syawal, 1424.

Seterusnya baginda bertitah:

*"Kalau di sini kita cukup segala-galanya, tetapi di sana mungkin saja untuk membeli rotipun mereka susah. Kalau di sini kita tenang, selesa dan aman duduk di masjid, tetapi di sana, di masjidpun belum tentu aman, kerana kekacauan mungkin saja meletus pada bila-bila masa."*

Itulah gambaran umum yang turut mewarnai keadaan dan persekitaran sebahagian umat Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* disebabkan pergolakan yang terpaksa mereka lalui, sama ada ia berpunca daripada mereka sendiri mahupun yang datang dari luar dalam bentuk penjajahan yang tidak diundang.

Seterusnya baginda berharap, semoga lanskap politik dunia akan segera memaparkan perkembangan dan perubahan yang lebih telus, supaya semua pihak dapat menumpukan usaha masing-masing bagi membangun dan memperbaiki diri sendiri.



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena menyambut 'Idul Fitri yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.**

*"Adapun bagi kita di negara ini, yang sedang menerima kemakmuran dan keamanan, janganlah sekali-kali lupa untuk menggunakannya di jalan kebaikan. Kerana kebaikan itulah tanda syukur yang sebenar-benarnya. Barang siapa yang bersyukur dengan nikmat Allah, maka akan kekallah nikmat itu, dan bahkan akan bertambah lagi. Tetapi bagi siapa yang tidak bersyukur, maka azab Allahlah yang menunggunya. Di antara azab Allah itu ialah kehilangan nikmat itu sendiri,"* titah baginda.

Pada pagi 1 Syawal, 1424 bersamaan dengan 26 November, 2003 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menyertai rakyat baginda menuaikan

sembahyang sunat 'Idul Fitri di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang sunat Hari Raya telah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Hamid bin Bakal. Sementara khutbah pula disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengaminkan doa sebaik saja selesai menuaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda.**

# Perlaksanaan Fatwa Tidak Semudah Teorinya...

Oleh: Pg. Ibrahim PHB.

**Y**ang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan menegaskan bahawa amali (praktikal) fatwa amatlah berbeza dengan teorinya kerana membuat teori mudah sahaja, tetapi perlaksanaannya tidaklah semudah yang diteorikan. Ia adalah satu kerja yang sukar dan amat mencabar, mengapa? Bukanakah fatwa itu hukum Allah Ta'ala? Ia bukan hukum mufti. Mufti hanya menyampai dan memberitahu sahaja. Kerana itu ulama-ulama yang terdahulu sangat takut dan berhati-hati untuk memberikan fatwa.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Mufti berucap demikian semasa merasmikan Seminar Fatwa dan Mufti yang diadakan pada 29 Syaban, 1424, bersamaan 25 Oktober, 2003, bertempat di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

*"Supaya sebuah negara itu sentiasa beroleh keamanan dan keselamatan, ia mustahaklah bermufti. Sebab itu, hampir semua negara umat Islam di dunia mempunyai mufti"*

Menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Mufti lagi dalam era sekarang yang beraurutiti itu ialah mufti. Bayangkan jika tidak ada mufti, semua orang mahu menegakkan pendapat masing-masing.



Seminar yang dianjurkan oleh Jabatan Syariah, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam itu telah dihadiri oleh seramai 100 Orang peserta terdiri daripada wakil institusi kerajaan dan swasta, pensyarah dan guru-guru, mahasiswa/mahasiswi dan individu. Sebanyak enam kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar sehari hasil nukilan para ilmuan dan mereka yang berkecimpung dalam bidang berkaitan termasuk beberapa orang pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

Di akhir seminar penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Dekan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam. Dr. Haji Serbini bin Haji Metahir.

## MUFTI Rasmikan Ibu Pejabat dan Pelancaran Nama & Logo Takaful IDBB Sdn. Bhd.



*Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan semasa merasmikan ibu pejabat dan pelancaran nama & logo baru Takaful IDBB Sdn. Bhd.*

**Y**ang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah berucap bahawa perubahan Bank-Bank Islam sudah bermula dari tahun 1975 di Emiriyah Arab Bersatu (UAE). Sejak itu ianya semakin berkembang sehingga kini termasuk di Negara Brunei Darussalam. Dalam masa

sepuluh tahun Negara Brunei Darussalm sudah mempunyai tiga buah syarikat takaful termasuk Takaful IDBB Sdn. Bhd.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin menambah bahawa, tiga dekad yang lalu, sistem pengurusan kewangan Islam masih gelap gelita. Perkara riba masih sahaja membenggu dunia dengan kuatnya, termasuklah dunia Islam sendiri. Dalam keadaan itu menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin ada yang beranggapan bahawa tidak mungkin untuk keluar daripada sistem riba. Mana ada satu pengurusan kewangan atau perniagaan yang boleh terlepas daripada riba? Dalam masa yang sama hukum Allah Ta'ala terus membayangi orang-orang Islam yang ta'tat, bahawa riba itu adalah haram.

Sehingga dengan berkat iman mereka kepada Allah, maka pada akhirnya terbukti juga bahawa ilmu Allah itu tidak boleh dicabar, iaitu dengan lahirnya satu demi satu institusi kewangan Islam tanpa riba, kemudian menyusul lagi syarikat-syarikat takaful dan pajak gadai Islam.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin berucap demikian semasa menjadi Tetamu Kehormat seterusnya merasmikan ibu pejabat dan pelancaran nama & logo baru Takaful IDBB Sdn. Bhd. pada 28 Sya'ban 1424 bersamaan 24 Oktober, 2003 bertempat di Unit 10, Kompleks Seri Kiulap.

# Menghadiri Upacara Pengkebumian Mayat Di Gereja

Soalan:

**Sukacita dipohonkan fatwa berhubung dengan menghadiri upacara pengkebumian mayat keluarga atau teman yang kafir di gereja.**

Jawapan:

الحَمْدُ لِلّٰهِ الْفَتَّاحِ الرَّهَابِ الْهَادِي  
 إِلٰى الْحَقِّ وَالصَّوَابِ، وَالصَّلٰةُ  
 وَالسَّلَامُ عَلٰى رَسُولِهِ خَاتَمِ الْأَبْيَاءِ  
 وَالرَّسُولُ، وَاللّٰهُ وَصَحْبُهُ أَجْمَعِينَ

Daripada soalan yang dikemukakan terdapat dua perkara yang perlu diuraikan terlebih dahulu sebelum memberikan rumusan dan jawapan. Pertama, berkaitan dengan mayat orang kafir dan kedua, berkaitan dengan hukum memasuki gereja.

## Bermuamalah Dengan Orang Kafir

Agama Islam sangat tegas dan keras dalam soal mempertahankan aqidah Islamiah. Namun, ia juga amat berlembut dan toleran dalam soal sosial dan kemasyarakatan, termasuk hubungan dengan orang yang bukan Islam, iaitu selama hubungan itu tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal, dan tidak pula akan merosakkan akidah Islamiah.

Firman Allah Ta'ala:

لَا يَنْهَاكُمُ اللّٰهُ عَنِ الدِّينِ لَمْ يُقْتَلُوكُمْ  
 فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيْنِكُمْ  
 أَن تَبَرُّو هُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللّٰهَ  
 يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

(Surah al-Mutaffifin : 8)

**Tafsirnya:** "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu daripada kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil."

(Surah al-Mumtahanah: 8)

## Pengurusan Mayat Kafir Dzimmi

Berbuat baik dan berlaku adil kepada yang bukan Islam tidak dilarang oleh Islam, begitu juga berjual beli, saling berkunjung, menghormati mereka sebagai seorang makhluk dan sebagainya dari sudut pergaularan atau hubungan mengikut sukatan *mujāmahah* saja, bukan kerana memenuhi tuntutan acara keagamaan mereka.

Dalam hubungan ini jika ada kematian di kalangan mereka yang kafir *dzimmi*, bagaimanakah sikap orang Islam?

Perlu diketahui bahawa pada dasarnya kafir *dzimmi* itu dituntut supaya tidak menzahirkan atau mengiklankan penanaman mayat dan kematian mereka secara berterang-terangan.

Imam Nawawi berkata:

يُوحَدُ عَلَى أَهْلِ الدِّينِ أَن يَخْفُوا  
 دُفْنُ مُوَاتِاهِمْ، وَلَا يَخْرُجُوا حَنَائِرَهُمْ  
 ظَاهِرًا

**Ertinya:** "Hendaklah disyaratkan ke atas ahli *dzimmah* supaya mereka



*Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam*

*menyembunyikan penanaman mayat mereka dan tidak membawa mayat mereka secara terang-terangan" (Ar-Raudhah 10/333)*

Dari pihak orang Islam pula, ada beberapa perkara yang tidak dibenarkan mereka itu melakukannya ke atas mayat orang kafir, antaranya ialah menyembahyangkannya. Ini adalah larangan secara mutlak, seperti kata As-Sayyid al-Bakri:

فَتَحْرِمُ الصَّلَاةَ عَلَيْهِ مَطْلَقاً وَأَمَا  
 غَسْلَهُ فِي حِزْوَنٍ مَطْلَقاً وَأَمَا تَكْفِيهِ  
 فِي حِجَانٍ إِنْ كَانَ ذَمِيًّا أَوْ مُؤْمِنًا أَوْ  
 مَعَاهِدًا بِخَلْفِ الْحَرْبِ وَالْمَرْتَدِ

**Ertinya:** "Haram menyembahyangkan orang kafir secara mutlak, tetapi harus memandikannya. Adapun mengkafan dan menanamnya pula adalah wajib jika dia kafir *dzimmi* atau *mu'ammar* atau *mu'âhad*, tetapi kafir *harbi* dan orang *murtad* tidak wajib." (Târîh ath-Thâlibîn 2/108)

Begitulah antara perkara yang tidak boleh dan yang boleh dilakukan terhadap mayat kafir *dzimmi* dari sudut menyembahyangkan, memandikan, mengkafan dan menanamnya.

## Mengiringi Mayat Orang Kafir Ke Kubur

Adapun perkara takziah dengan menghadiri atau mengikutinya ke tempat penanaman, padanya ada dua keadaan, pertama, jika mayat itu keluarga terdekat, dan kedua, jika bukan keluarga.

Apabila dia keluarga terdekat, seperti isteri, jiran, teman rapat, *maulâ* dan hambanya, maka hukumnya tidak dilarang yakni harus.

Imam Nawawi sebagaimana dinukil oleh pengarang al-Qalyubi wa 'Umairah berkata:

وَلَا يَأْسَ بِاتِّبَاعِ الْمُسْلِمِ حَنَازَةً  
فِي يَهُدِ الْكَافِرِ ، أَيْ لَا يُكْرَهُ

**Ertinya:** "Dan tidak mengapa orang Islam mengiringi mayat keluarganya yang kafir, yakni (hukumnya) tidak makruh." (Qalyubi wa 'Umairah 1/406)

Pengarang kitab *Fath al-'Allâm* memperjelas lagi pengertian keluarga itu, katanya:

يَبْاحُ لِلْمُسْلِمِ تَشْبِيعُ جَنَازَةِ فَرِيهِ  
الْكَافِرِ ، وَمِثْلِهِ الرَّوْجَةُ وَالْحَارِ  
وَالصَّدِيقُ وَالْمَوْلَى وَالْعَبْدُ .

**Ertinya:** "Dibolehkan bagi orang Islam mengiringi mayat keluarganya yang dekat yang kafir, seperti isterinya, jiran, teman rapat, *maulâ* dan hambanya." (*Fath al-'Allâm* 3/280)

Tetapi jika dia orang lain, bukan keluarga, maka hukumnya haram sebagaimana yang disebutkan dalam kitab yang sama berbunyi:

أَمَا غَيْرَهُمْ مِنَ الْأَجَانِبِ فَيُحرِمُ  
كَمَا فِي الْقَلْيَوْنِ عَلَى الْجَلَالِ

**Ertinya:** "Adapun selain mereka (selain isteri, jiran, teman rapat, *maulâ* dan hamba) adalah diharamkan sebagaimana yang disebutkan dalam kitab al-Qalyubi 'ala al-Jalâl." (*Fath al-'Allâm* 3/380)

Di antara dalil keharusan itu ialah:

رُوِيَ عَنْ عَلَىٰ كَرَمَ اللَّهِ وَجْهَهُ  
قَالَ : أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ فَقُلْتُ : إِنَّ عَمَّكَ الضَّالُّ قَدْ  
مَاتَ . فَقَالَ : اذْهَبْ فَوَارِهِ .

**Maksudnya:** "Diriwayatkan daripada Ali Karramallah wajhah, katanya: "Saya mendatangi Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, lalu berkata: "Sesungguhnya bapa saudaramu yang sesat itu telah mati." Maka Baginda bersabda: "Pergilah segera." (*Fath al-'Allâm* 3/280)

## Adab Ketika Menziarahi Mayat Orang Kafir

Walaupun begitu, etika ketika menghadiri mayat orang kafir tidaklah sama caranya dengan orang kafir sendiri yang turut hadir, sama ada sebelum dibawa ke kubur atau semasa membawanya.

Berikut ini dicatatkan beberapa riwayat yang ada kaitan dengan perkara ini.

قَالَ مُحَمَّدُ بْنُ الْحَسْنِ بْنُ هَارُونَ :  
قَيلَ لِأَبِي عَبْدِ اللَّهِ وَيَشْهُدُ  
جَنَازَتَهُ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، نَحْوَ مَا صَنَعَ  
الْحَارِثُ بْنُ أَبِي رِبِيعَةَ ، كَانَ شَهِيدًا  
جَنَازَةَ أُمِّهِ ، وَكَانَ يَقُولُ نَاجِيَةَ ،  
وَلَا يَحْضُرُ لَأَنَّهُ مَلْعُونٌ .

**Maksudnya:** "Muhammad bin al-Hasan bin Harun berkata: "Abu Abdullah ditanya: "Dan adakah dia boleh menghadiri mayatnya?" Beliau menjawab: "Ya, boleh, sebagaimana yang dilakukan oleh al-Harith bin Abu Rubai'ah di mana dia menghadiri mayat ibunya, dan dia hanya berada di tepi dan tidak berada di dekat mayat, kerana mayat itu dilaknat."

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَعْبٍ بْنِ مَالِكٍ  
عَنْ أَبِيهِ : حَمَّادَ قَيْسَ بْنِ شَمَاسٍ الْ

الَّذِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ :  
إِنَّ أَمَّهُ تَوْفَيْتُ وَهِيَ نَصَارَى ، وَهُوَ  
يُحِبُّ أَنْ يَحْضُرْهَا . فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ارْكِبْ  
دَابِّكَ وَسِرْ أَمَامَهَا ، فَإِذَا رَكِبْتَ  
وَكَنْتَ أَمَامَهَا فَلَسْتَ مَعَهَا .

(رواه الدارقطني)

**Maksudnya:** "Daripada Abdullah bin Ka'ab bin Malik daripada bapanya: "Qais bin Syammas datang menemui Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, katanya: "Ibunya kebetulan mati sebagai seorang Kristian, dan dia ingin menghadiri mayatnya", maka Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepadanya: "Naiki kenderaanmu dan berjalanlah di hadapan mayatnya, kerana apabila engkau menunggang dan engkau berada di hadapannya, maka engkau tidak dikira bersamanya."

(Hadis riwayat ad-Daraquthni)

Berdasarkan riwayat ini, kehadiran (takziah) di dalam majlis yang ada padanya mayat orang kafir hanya sekadar menunjukkan simpati saja dan tidak terlalu dekat dengan mayat, manakala ketika membawanya ke tempat penanaman pula, maka beradalah di hadapan mayat, bukan di arah belakangnya.

Simpati (takziah) yang ditunjukkan itu hanya sekadar *mujâmalah* saja dan kehadiran itu pula tidak sekali-kali dikaitkan dengan agama dan akidah, yakni kehadiran itu tidak kerana mengikut acara keagamaan mereka.

Dengan yang demikian bertakziah dengan menghadiri mayat orang kafir daripada kalangan keluarga atau teman rapat dalam batas-batas yang tidak termasuk dalam acara keagamaan mereka, adalah diharuskan.

## Memasuki Gereja

Di dalam sesetengah kitab yang menghuraikan hukum-hukum yang berkaitan dengan kafir *dzimmî* ada disebutkan:

"Gereja-gereja mereka ini adalah tempat-tempat laknat, kemarahan dan kemurkaan turun kepada mereka di dalamnya, sebagaimana kata-kata sebahagian sahabat:

إِحْتَبُوا الْيَهُود وَالنَّصَارَى فِي  
أَعْبَادِهِمْ فَإِنَّ السُّخْطَةَ تَنْزَلُ  
عَلَيْهِمْ

**Ertinya:** "Jauhi oleh kamu akan orang-orang Yahudi dan Nashrani di dalam hari-hari kebesaran mereka, kerana kemurkaan turun kepada mereka."

Selain daripada itu, gereja itu termasuk di antara rumah (tempat) musuh-musuh Allah dan rumah musuhNya pula adalah tidak layak dijadikan tempat beribadat kepadaNya."(Lihat Ibn Qayyim al-Jauziah, Ahkâm Ahl adz-Dzimmah 3/1230-1231)

Apabila demikian halnya gereja itu, maka tidaklah elok bagi seseorang Muslim memasukinya tanpa sebab-sebab tertentu. Di dalam sejarah pembukaan Baitul Maqdis sebagaimana yang disebutkan oleh al-Maqrizi, memang ada dicatatkan bahawa Sayyidina Umar RadhiAllahu anhu pernah memasuki gereja al-Qumamah (al-Qiyamah) dan sempat duduk di dalamnya dan apabila tiba waktu sembahyang, beliau keluar. (Lihat Muhammad Ridha, al-Faruq: Umar bin al-Khattab, h. 208). Tindakan Sayyidina Umar ini lebih banyak bermotifkan politik Islamiyah yang pada masa itu agama Islam baru mula bertapak di kawasan Baitul Maqdis dan Umar sendiri memasukinya bukan kerana sukakan atau cenderung kepada gereja atau ajaran mereka.

### Syarat-Syarat Memasuki Gereja

Hukum memasuki gereja dari sudut fiqh, mengikut ulama-ulama Syafi'e adalah dibolehkan dengan beberapa syarat.

Antara syarat-syarat itu ialah ada kebenaran daripada pihak gereja dan di dalam gereja itu pula tidak terdapat gambar atau patung-patung yang dimuliakan seperti gambar atau patung yang disangkakan orang Nashrani

sebagai gambar atau patung Nabi Isa 'Alaihisshalatu wassalam, atau Sayyidatina Maryam dan lain-lain.

Jika syarat-syarat ini tidak terpenuhi, maka tidaklah harus memasukinya yakni haram masuk gereja dengan ada gambar-gambar atau patung-patung yang dihormati, yang diletakkan dalam gereja itu.

Ibn Hajar Rahimahullah berkata:

وَلَا يَحُوزُ دُخُولُ كَائِسِهِمْ  
الْمُسْتَحْقَقُ الْإِنْقَاءُ إِلَّا بِإِذْنِهِمْ مَا لَمْ  
يَكُنْ فِيهَا صُورَةً مُعَظَّمَةً

**Ertinya:** "Dan tidak harus memasuki gereja-gereja mereka yang boleh dikenalkan, kecuali dengan ada izin kebenaran daripada mereka, iaitu selama di dalam gereja-gereja itu tidak terdapat gambar yang dimuliakan." (Tuhfah al-Muhtâj 9/295)

Imam Ali asy-Syibrâmalissi Rahimahullah lebih tegas mengatakan hukumnya, katanya:

لَا يَحُوزُ لَنَا دُخُولُهَا إِلَّا بِإِذْنِهِمْ،  
وَإِنْ كَانَ فِيهَا تَصَاوِيرٌ حَرُّمٌ قَطُّعاً.

**Ertinya:** "Tidak harus bagi kita memasukinya, kecuali dengan izin kebenaran mereka, dan jika ada di dalamnya gambar-gambar, maka diharamkan sama sekali" (Hâsyiah Nîhâyah Al-Muhtâj 8/99)

Termasuk juga syarat itu hendaklah masuknya itu tidak membawa kesan cenderung atau mengiktiraf kepada ajaran gereja atau akan membawa dia mempersenda Islam bersama-sama orang kafir sehingga boleh merosakkan akidahnya. (Lihat Fatwa Abdul Halim Mahmud, H. 198)

### Rumusan

Dengan memandang sejurus lalu huraian yang di atas, adalah dibolehkan ikut serta mengiringi jenazah orang kafir dari tempat kediaman asalnya sehingga

sampai ke tempat penanaman, termasuk ke gereja yang sunyi daripada gambar dan patung-patung yang disebutkan. Akan tetapi perlu diingat bahawa orang Islam adalah haram menghadiri atau menyertai mana-mana acara peribadatan atau acara ajaran khas keagamaan agama lain, sama ada ia dilakukan di gereja, kuil, rumah atau di mana-mana tempat sekalipun.

Pengarang Iqtidâ ash-Shirâth al-Mustaqîm berkata:

إِذَا كَانَ مِنْ جِنْسِ أَعْمَالِهِمْ الَّتِي هِيَ  
دِينُهُمْ ، أَوْ شَعَارُ دِينِهِمْ الْبَاطِلُ ،  
وَمَا هَذَا مُحْرَمٌ كُلَّهُ ، بِخَلْفِ مَا لَمْ  
يَكُنْ مِنْ خَصَائِصِ دِينِهِمْ وَلَا  
شَعَارِهِ

**Ertinya:** "Apabila perkara itu termasuk daripada jenis amalan yang tergolong daripada agama mereka, atau syi'ar (lambang) agama mereka yang bâthil itu, kesemua ini adalah diharamkan (menyertai atau menyerupainya). Kecuali jika amalan berkenaan bukan khusus daripada ajaran atau syi'ar agama mereka." (H. 167)

Mayat orang kafir (Kristian) yang dibawa ke dalam gereja bagi menjalankan upacara khas keagamaan adalah satu upacara yang hanya terdapat di dalam agama mereka saja dan ia menjadi salah satu syi'ar atau tanda khusus bagi agama mereka, kerana mengikut hukum Islam, kematian di kalangan kafir dzimmi hendaklah mereka sembunyikan. Cara seperti ini tidak ada di dalam Islam dan bagi orang Islam sendiri tidak dibenarkan turut bersama mengikuti atau menyertai acara keagamaan mereka ini.

Dengan yang demikian, di dalam soal orang Islam datang ke gereja untuk hanya sekadar memberi takzih dan sumput kepada keluarga temnikar atau teman rapat adalah halus, nanti selain tidak menyertai acara keagamaan keagamaan mereka dan di tempat itu tidak ada gambar atau patung yang dimuliakan sebagaimana yang disebutkan oleh Ibnu Hajar dan Ali asy-Syibrâmalissi itu.

وَلَا يَحُوزُ لَنَا دُخُولُهَا إِلَّا بِإِذْنِهِمْ

# *Imam asy-Syafi'e Radhiallahu 'anhu*

Oleh: Haji Mohd. Nur Lubis bin Haji Abd. Razak

(Siri Ketiga)

Dalam Siri Kedua telah diterangkan mengenai dengan *Qaul Qadim*, *Qaul Jadid*, kemurahan hati, *Ibtila* dan Imam asy-Syafi'e kembali ke Rahmatullah. Untuk keluaran kali ini ikuti sanjungan ulama, dan guru-gurunya terhadap beliau.

## Sanjungan Ulama

1. Imam Malik berkata sambil menunjuk arah Imam Syafi'e: "Tidak datang kepada seseorang suku Quraisy yang keadaannya lebih pandai daripada orang ini".
2. Imam Ahmad berkata: "Sebelum ini saya belum pernah mengerti tentang nasikh dan mansukh dalam hadis-hadis sehingga saya belajar kepada Imam Syafi'e".
3. Imam ahli hadis, Sufyan bin 'Uyainah (bekas guru Imam Syafi'e) pernah berkata: "Sesungguhnya saya mengetahui benar bahawa Syafi'e adalah pemuda yang terbaik pada masanya".
4. Imam al-Hasan bin Muhammad as-Shabah berkata: "Ketika para ahli hadis masih tidur lelap, Imam Syafi'e muncul membangunkan mereka".
5. Dikhabarkan orang pula, bahawa manakala ada orang bertanya kepada Sufyan bin 'Uyainah (ahli hadis yang masyhur) tentang tafsir dan *ta'bir*, lalu dia menoleh ke arah Imam Syafi'e dan berkata: "Tanyakanlah kepada orang ini".
6. Al-Humaidi berkata (sahabat Syafi'e): "Kami di Iraq ingin menolak pendapat-pendapat ahli *ra'y*, akan tetapi kami tidak tahu caranya. Setelah Imam Syafi'e datang ke Iraq, beliau membuka jalan bagi kami".

7. Imam Hamid bin Ahmad al-Bashri berkata: "Ketika saya membicarakan satu masalah dengan Imam Ahmad bin Hanbal, ada seseorang ketika itu berkata kepada Imam Ahmad bin Hanbal, bahawa tidak berjumpa sebuah hadis pun tentang masalah yang diperkatakan itu. Maka Imam Ahmad bin Hanbal menjawab: "Jika tidak berjumpa suatu hadis, maka pakailah fatwa Imam Syafi'e, kerana fatwa beliau adalah fatwa yang paling kuat dalilnya".
8. Berkata ad-Dubais : "Saya sedang duduk-duduk bersama Ahmad bin Hanbal di Masjid Jami' di Baghdad, tiba-tiba datang Hussein al-Karabisi lalu berkata: "Ini (dengan menunjuk kepada Imam Syafi'e) adalah rahmat daripada Allah kepada umat Muhammad".
9. Imam Ahmad bin Hanbal pernah mengatakan: "Ahli-ahli hadis tidak bosan-bosannya kepada kitab Imam Syafi'e".
10. Imam Abu Zar'ah pernah berkata: "Saya belum pernah melihat seseorang yang lebih besar jasanya terhadap agama Islam melebihi daripada jasa Imam Syafi'e".
11. Berkata Rabi' bin Sulaiman al-Murady: "Imam Syafi'e mengkhattamkan bacaan *al-Qur'an* dalam bulan Ramadan sebanyak 60 kali".
12. Imam Qasim bin Salam pernah berkata: "Saya belum pernah

melihat seseorang yang lebih cukup segala-galanya dalam pengetahuan agama selain daripada Imam Syafi'e".

13. Rabi' bin Sulaiman berkata: "Imam Syafi'e membahagikan malamnya kepada tiga bahagian, sepertiga untuk ilmu (menulis kitab), sepertiga untuk sembahyang dan sepertiga lagi untuk tidur".
14. Imam al-Mubarrad berkata: "Imam Syafi'e adalah sepintar-pintar orang tentang syair, sepadai-pandai orang tentang bahasa Arab, secerdik-cerdik orang tentang fiqh dan semahir-mahir orang tentang *qirâ'at*".
15. Imam Ishaq bin Rahuyah berkata: "Telah menghabarkan kepada ku segolongan daripada ulama-ulama ahli tafsir, bahawa Imam Syafi'e itu adalah sepadai-pandai orang tentang makna dan tafsiran *al-Qur'an* pada masa hidupnya, dan beliaulah orang yang dikurniai kepandaian tentang isi *al-Qur'an*".

## Guru-Guru

Guru-guru beliau ketika di Makkah ialah: Muslim bin Khalid, Isma'il bin Qustantin, Sufyan bin 'Uyainah, Sa'id bin al-Qaddah, Daud bin Abdul Rahman dan Abdul Hamid bin Abdul Aziz.

Semasa di Madinah, guru-guru beliau ialah: Imam Malik, Ibrahim bin Sa'ad al-Ansari, Abdul Aziz bin Muhammad, Ibrahim bin Yahya, Muhammad bin Sa'id dan Abdullah bin Nafi'.

Sementara semasa di Yaman guru-guru beliau ialah: Matraf bin Mazin, Hisyam bin Abu Yusuf, Umar bin Abu Salamah dan Yahya bin Hasan.

Manakala guru-guru beliau ketika di Iraq pula ialah: Waki'bin Jarrah, Humad bin Usamah, Ismail bin 'Ulyah, Abdul Wahhab bin Abdul Majid, Muhammad bin Hasan dan Qadhi bin Yusuf.

Disambung pada keluaran akan datang.

# MENTAKMIR MASJID DI BULAN RAMADHAN

JABATAN PERDANA MENTERI & JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA 1424/2003

Oleh: Pg.IbrahimPHB.

**S**ebagai sumbangan Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya kepada takmir masjid di bulan Ramadhan, sekali lagi sebagaimana tahun-tahun yang sudah mengadakan aktiviti bertadarus, bertahlil dan bersungkai di masjid-masjid.

Tujuan projek ini di samping mengharap pahala dan keberkatan di bulan Ramadhan dengan beritikaf di dalam masjid dan membaca al-quran ianya juga diharapkan memberi manfaat kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan untuk menjadikannya kegiatan misali selain dapat bersilaturahim dengan ahli-ahli jemaah masjid serta penduduk kampung dengan mewujudkan konsep pemimpin ke masjid.


Pada tahun ini sebanyak enam buah masjid telah dipilih iaitu Masjid Kg. Pengkalan Batu, Masjid Kg. Belimbing Subok, Masjid Kg. Tanah Jambu, Masjid Kg. Lumapas, Masjid Kg. Pintu Malim dan Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kg. Katimahar.

Majlis berkenaan bermula pada 7-14 Ramadhan, 1424 bersamaan dengan 1 -8 November, 2003 .

Di samping bertadarus al-qur'an dan menyungkaikan orang, beberapa sumbangan wakaf berupa kegunaan masjid juga telah diserahkan kebeberapa buah masjid oleh Jabatan-Jabatan penyelenggara.

Majlis Khatam bagi tadarus tersebut telah diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, pada 15 Ramadhan, 1424 bersamaan dengan 10 November, 2003. Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiha yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Tahun ini Projek tadarus dikendalikan bersama oleh Jabatan Mufti kerajaan, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Percetakan Kerajaan.



Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kampong. Katimahar



Masjid Kampong Pengkalan Batu



Masjid Kampong Tanah Jambu



Masjid Kampong Belimbing Subok



Masjid Kampong Pintu Malim



Majlis Khatam al-Qur'an di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, BSB.



# MELIPATGANDA PAHALA DAN MEMBENTENG DIRI DENGAN HAUQALAH

Oleh: Haji Mas Reduan bin Haji Jumat

Al-Imam ar-Razi *Rahimahullahu Ta'ala* pernah berkata: "Aku telah membuat percubaan sepanjang hidupku bahawa seorang manusia itu apabila dia menggantungkan harapan atau menyerahkan secara mutlak apa-apa urusannya kepada yang lain selain Allah, maka yang demikian itu akan menyebabkannya ditimpakan bencana, kesengsaraan dan musibah. Sebaliknya jika dia berserah diri semata-mata kepada Allah dan bukan berserah diri kepada seseorang makhluk, nescaya dia akan berjaya mendapatkan sebaik-baik apa yang dicita-citakannya. Percubaanku ini berlarutan bermula dari permulaan umurku sehingga umurku mencapai lima puluh tujuh tahun. Pada ketika itu, telah tetap di hatiku bahawa tidak ada manfaatnya bagi seseorang manusia berserah diri kepada sesuatu selain daripada limpah kurnia Allah dan ihsanNya."

Sehubungan dengan ini, termasuk di antara penzahiran seorang hamba dalam berserah diri semata-mata kepada Allah Ta'ala itu ialah dengan mengamalkan membaca *hauqalah*. *Hauqalah* ialah panggilan nama bagi kalimat:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ

Para ulama menegaskan bahawa *hauqalah* itu merupakan kalimat pernyataan patuh dan menyerah diri kepada Allah Ta'ala, dan mengakui untuk tunduk kepadaNya. Sesungguhnya tiada yang menyempurnakan sesuatu melainkan Dia, dan tiada yang dapat menyanggah perintahNya, dan sesungguhnya hamba tidak memiliki sesuatu.

Tersebut di dalam beberapa riwayat yang *shahih* bahawa *hauqalah* disifatkan sebagai perbendaharaan syurga. Dengan sebab itu Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* menganjurkan kepada umat Baginda supaya memperbanyakkan zikir atau membaca *hauqalah*. Ini jelas sebagaimana tersebut dalam salah satu riwayat:

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ : قَالَ :  
قَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :  
أَلَا أَذْكُرُ عَلَى كُنْزٍ مِنْ كُنْزِ  
الْجَنَّةِ ؟ فَقُلْتُ : يَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ ،  
فَقَالَ : قُلْ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا  
بِاللهِ .

**Maksudnya:** "Daripada Abu Musa al-As'ariy, beliau berkata: "Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda kepadaku: "Tidakkah aku tunjukkan kepadamu perbendaharaan daripada beberapa perbendaharaan syurga?" Aku (Abu Musa) menjawab: "Sudah tentu wahai Rasulullah!" Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: "Bacalah:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ

(tiada daya dan tiada upaya melainkan dengan izin Allah).

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Al-Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* menjelaskan bahawa maksud "كُنْز" (perbendaharaan) di dalam hadis di atas ialah, pahala yang tersimpan di dalam syurga, dan ia merupakan pahala yang sangat bernilai sebagaimana harta yang disimpan malam merupakan harta kamu yang paling bernilai.

Maknanya, mengucapkan *lَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ* itu menyebabkan seseorang itu mendapat pahala yang amat berharga, di mana pahala itu disimpan di dalam syurga dan diperuntukkan bagi orang yang mengamalkan membacanya.

Diriwayatkan daripada Anas *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata: Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: "Siapa yang membaca ketika dia keluar daripada rumahnya:-

بِسْمِ اللَّهِ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، وَلَا  
حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ .

**Maksudnya:** "Dengan nama Allah, aku berserah diri kepada Allah, dan tiada upaya dan tiada daya melainkan dengan izin Allah,"

akan dikatakan kepadanya: "Kamu akan diberi kecukupan, dipelihara dan diberi hidayat, dan syaitan pun akan menjauhinya." Di dalam riwayat yang lain diceritakan, syaitan berkata kepada temannya: "Apa yang kau akan dapatkan daripada seorang yang sudah diberi petunjuk, kecukupan dan perlindungan?"

(Hadis riwayat Abu Daud, at-Tirmidzi, an-Nasa'i dan selain mereka).

Diriwayatkan daripada Ali *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata: "Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: "Wahai Ali! Mahukah engkau aku ajarkan beberapa kalimat yang perlu dibaca ketika engkau berada dalam bencana?" Aku (Ali) menjawab: "Sudah tentu, semoga Allah menjadikan aku tebusan buatmu." Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: "Apabila engkau berada dalam bencana bacalah:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، لَا حَوْلَ  
وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**Maksudnya:** "Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, dan tiada upaya dan tiada daya melainkan dengan izin Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung", nescaya Allah Ta'ala akan memalingkan (menolak) dengan sebab bacaan itu apa yang dikehendakiNya berbagai jenis bala bencana."

(Hadis riwayat Ibnu as-Sunni)

Daripada Thalq bin Hubaib, beliau menceritakan, seorang lelaki datang kepada Abu Darda' memberitahu: "Wahai Abu Darda'! Rumah tuan terbakar." Abu Darda' menjawab: "Ia tidak terbakar, Allah 'Azza wa Jalla tidak akan berbuat yang demikian, kerana ada beberapa kalimat (atau bacaan) yang aku dengar daripada Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*,

sesiapa yang membacanya di awal siang dia tidak akan ditimpa musibah sehingga ke petang, dan sesiapa yang membacanya pada akhir siang dia tidak akan ditimpa musibah sehingga waktu subuh. Bacaan itu ialah:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ،  
عَلَيْكَ تَوْكِيدُّتُ، وَأَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ  
الْعَظِيمِ، مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ وَمَا لَمْ  
يَشأْ لَمْ يَكُنْ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ  
إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ، أَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَنَّ اللَّهَ قَدِ  
أَحْاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، اللَّهُمَّ إِنِّي  
أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ  
كُلِّ دَاعِيَةٍ أَنْتَ آخِذُ بِنَاصِيَتِهَا، إِنَّ  
رَبَّي عَلَى صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ.

(رواية ابن السنّي)

**Maksudnya:** "Ya Allah! Engkaulah Tuhanmu, tiada Tuhan melainkan Engkau, hanya kepadaMu aku berserah diri, Engkau adalah Tuhan Pemilik 'Arasy yang Agung. Apa saja yang Allah kehendaki pasti akan terjadi, dan apa saja yang tidak dikehendakiNya pasti tidak akan terjadi. Tidak ada upaya dan tidak ada daya kekuatan melainkan dengan izin Allah yang Maha Tinggi

lagi Maha Agung. Aku sedar bahawa Allah Maha Berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu, dan sesungguhnya ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu. Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada kejahanatan diriku dan daripada kejahanatan segala makhluk yang bergerak di muka bumi, di mana Engkau jualah yang Menguasainya, sesungguhnya Tuhanmu tetap di atas jalan yang lurus."

Di dalam riwayat yang lain diceritakan, Abu Darda' berkata: "Sesungguhnya aku membaca bacaan itu pada hari ini." Kemudian dia berkata lagi: "Marilah kita pergi (melihatnya)." Maka dia pun pergi bersama-sama yang lainnya menuju ke rumahnya. Apabila sampai ke kawasan rumahnya didapati rumah-rumah yang lain di sekeliling rumahnya habis terbakar, sementara rumah Abu Darda' sedikit pun tidak terbakar.

(Hadis riwayat Ibnu as-Sunni)

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu,daripada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Baginda bersabda:

مَنْ قَالَ: لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ  
كَانَ دَوَاءً مِنْ تِسْعَةِ وَتِسْعِينَ دَاءً،  
أَوْ سِرُّهَا الْهُمَّ.

(رواه الطبراني والحاكم)

**Maksudnya:** "Barangsiapa yang membaca:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

yang demikian itu adalah penawar bagi sembilan puluh sembilan penyakit, yang paling ringan ialah penyakit dukacita."

(Hadis riwayat ath-Thabarani dan al-Hakim)

Seorang *tabi'in* bernama Makhul pernah berkata: "Barangsiapa yang membaca:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا مَنْجَا  
مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ.

**Ertinya:** "Tiada daya tiada upaya melainkan dengan izin Allah, dan tidak ada tempat selamat daripada siksa Allah melainkan kepadaNya", nescaya Allah akan menghilangkan daripadanya tujuh puluh pinto bahaya, serendah-rendahnya ialah kefakiran.

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Inilah di antara kelebihan *hauqalah* yang ternyata begitu besar dan hebat. Semoga apa yang dikemukakan ini akan menjadi sebahagian daripada amalan kita sebagai bekalan menuju hari akhirat, dan juga sebagai senjata dan benteng dalam menjalani kehidupan sehari-hari berdasarkan ajaran Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.

## PESURUHJAYA POLIS SINGAPURA LAWAT BALAI PAMERAN

Oleh Haji Mohidin Haji Mustapha.



Serombongan pelawat yang diketuai oleh Pesuruhjaya Polis Singapura, Yang Mulia Khoo Boon Hui telah mengadakan lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada hari Rabu, 31 Disember, 2003 bermula jam 9.00 pagi. Pelawat-pelawat berkenaan telah dialu-alukan dan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan sepanjang lawatan tersebut.

Lawatan ke Balai Pameran berkenaan adalah sebagai salah satu program rombongan tersebut semasa berada di negara ini.



## Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Ekspo OIC 2003

Oleh: Pg. Ibrahim PHB.

**P**UTRAJAYA, MALAYSIA. Pada 16 Oktober 2003, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat melawat Ekspo OIC 2003, sempena berlangsungnya Sidang Kemuncak Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam OIC ke-10.

Keberangkatan tiba baginda itu telah dijunjung oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim selaku Pengurus Jawatankuasa Pemandu Persembahan Negara di Ekspo OIC 2003. Juga mengalu-alukan keberangkatan baginda Pangarah Eksekutif Ekspo OIC 2003 serta ahli-ahli jawatankuasa.

Berangkat sama mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Di samping melawat dan menyaksikan secara lebih dekat lagi pavilion negara, baginda juga berkenan melawat

beberapa pavilion dari negara-negara luar yang turut serta dalam ekspo tersebut.

Sepanjang enam hari ekspo itu, seramai lebih 40 ribu orang telah mengunjungi pavilion negara, iaitu antara pavilion yang paling ramai dikunjungi sepanjang ekspo berlangsung.

Beberapa ketua negara dan pembesar luar negeri juga telah membuat lawatan, antara mereka ialah Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan beberapa orang Menteri anggota OIC.



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menyaksikan lebih dekat pameran manuskrip koleksi baginda.*



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan membuat lawatan ke ruang pameran yang memperkenalkan produk-produk negara anggota OIC yang menyertai ekspo tersebut.*



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, ketika berkenan melawat pavilion negara.*



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai dengan rombongan persembahan Negara Brunei Darussalam di Ekspo OIC 2003.*





## Negara Brunei Darussalam Sertai EKSPO OIC 2003 Putrajaya Malaysia

Oleh: Pg. Ibrahim PHB.

**S**empena berlangsungnya Sidang Kemuncak Persidangan Ketua-ketua Negara Islam OIC ke10 di Malaysia, Satu ekspo telah diadakan di Putrajaya yang disertai oleh 600 Syarikat dari negara-negara anggota OIC termasuk Negara Brunei Darussalam dan beberapa negara-negara bukan anggota OIC seperti China, Taiwan, Korea Selatan dan Perancis.

Pelancaran Ekspo OIC tersebut telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad pada 14 Oktober lalu dan selepas itu ianya dibuka untuk kunjungan orang ramai sehingga 19 Oktober.

Dalam Ekspo tersebut Negara Brunei Darussalam telah membina sebuah Pavilion yang berkONSEP MIB bercirikan keislaman dan kebudayaan Brunei dengan kELUASAN kAWASAN 156

meter persegi.

Antara yang menarik perhatian pengunjung ialah beberapa buah mushaf, manuskrip, koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berusia lebih 500 tahun dipamerkan sebagai *Masterpiece* pavilion, di samping tongkat dan tasbih koleksi peribadi Baginda yang dipilih dari Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.


Mushaf Brunei Darussalam dan Mushaf Universiti Brunei Darussalam juga turut dipamerkan.



Ketika memprebiu Pavilion negara oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad, sejurus pelancaran Ekspo OIC 2003.

Turut serta dalam pavilion negara ialah beberapa agensi kerajaan yang digabungkan menjadikan satu informasi umum mengenai bidang agama, politik, sosial, pendidikan dan ekonomi. Manakala agensi swasta disertai oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG), Syarikat Minyak Shell Brunei (BSP), bank-bank Islam, Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei (BIFC) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan menonjolkan produk-produk dan perusahaan yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pameran buku-buku yang berhubungkait dengan kepimpinan raja dan penyebaran syiar Islam termasuk buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan.

Menteri Wakaf Jordan bergambar bersama pengurusi dan beberapa ahli semasa melawat ke pavilion Negara Brunei Darussalam.



Pavilion Negara Brunei Darussalam semasa Ekspo OIC 2003.

## ISTERI MELETERI SUAMI

Fenomena isteri meleteri suami atau kata lain, tidak menghormati suami, bagaikan sudah menjadi satu perkara lumrah bagi kebanyakan pasangan. Malah tanpa sedikitpun merasa bersalah melayani mereka seperti adik, kawan atau anak lelaki atau sesiapa sahaja lagaknya.

Apa yang lebih mendukacitakan, terdapatnya isteri yang menganggap menjaga hati atau melayani suami dengan bersikap sopan sudah tidak sesuai dalam keadaan masyarakat kita hari ini atau mungkin dianggap sebagai ketinggalan zaman.

Sebenarnya keadaan ini, akan menjadi model yang tidak baik kepada pertumbuhan jiwa anak-anak yang mungkin akan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi lain sehingga akhirnya menjadi satu budaya yang negatif.

Terdapat banyak *nash* al-Qur'an dan hadis Nabi yang menyebutkan tentang kewajiban isteri mentaati suami, selama mana isteri tidak diminta melakukan perkara maksiat. Antaranya sabda Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam*:

لَوْ أَمْرَتُ أَهْدًا أَنْ يَسْجُدْ لِأَحَدٍ  
لَا مَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدْ لِزَوْجِهَا

**Maksudnya:** "Jika sekiranya aku berhak menyuruh seseorang supaya sujud kepada seseorang yang lain, nescaya aku menyuruh para isteri sujud kepada suaminya."

(Hadis riwayat Ibnu Majah)

Dalam sebuah hadis yang lain daripada 'Aisyah *Radhiallahu anha* telah berkata: "Saya pernah bertanya kepada Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* "Siapa orang yang lebih berhak ke atas seorang perempuan? Baginda bersabda: "Suaminya".

(Hadis riwayat al-Bazzar dan al-Hakim)

Sementara dalam sebuah hadis yang

diriwayatkan daripada Ibnu Abbas *Radhiallahu anhuma*: "Seorang perempuan telah datang menghadap Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* dan berkata: "Wahai Rasulullah, hamba adalah utusan perempuan-perempuan menghadap Tuan, bagi menanyakan perkara bahawa jihad, berperang di medan peperangan kerana membela pada jalan Allah dan agama telah difardhukan ke atas lelaki, jika mereka menang mereka dapat harta tawanan, dan jika mereka dibunuh mereka hidup di sisi Tuhan mereka dan makan rezeki di sana, dan kami kaum perempuan menjaga dan membantu mereka, maka apa yang kami dapat daripada perbuatan tersebut?"

Rasulullah bersabda: "Awak sampaikan kepada perempuan-perempuan yang awak jumpa, bahawa taat kepada suami, dan mengakui hak-hak suami itu sama dengan pahala berperang dengan musuh-musuh Islam di medan peperangan, tetapi sedikit sangat daripada isteri-isteri yang menyempurnakan hak-hak suami mereka".

(Hadis riwayat al-Bazzar dan Imam ath-Thabarani).

Hadis-hadis tersebut menerangkan betapa memelihara dan menghormati hak suami serta ketaatan isteri terhadap suami amat dititik-beratkan oleh agama Islam. Hatta jika suami itu berkedudukan rendah berbanding dengan isteri, umpamanya suami sebagai buruh sementara isteri pula guru, doktor dan seumpamanya, namun kedudukan atau martabat suami tetap tidak terjejas sama sekali.

Jadi isteri tidak boleh beranggapan bahawa dengan kedudukannya yang lebih baik itu dia boleh bertindak sesuka hati seperti membelakangkan suami atau menjadi ketua dalam keluarga. Jika ini berlaku, ia amat bercanggah dengan syariat Islam, sebagaimana firman Allah dalam surah an-Nisâ: 34 yang tafsirnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi

kaum wanita."

Bagi isteri yang tidak mentaati atau enggan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna pasti akan menerima balasan di akhirat kelak sebagaimana yang pernah digambarkan oleh Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* ketika Baginda naik ke langit, Baginda telah diperlihatkan dengan neraka yang kebanyakan penghuninya terdiri daripada kaum wanita.

Sebagaimana yang diceritakan oleh Sayidina Ali *Karramallahu wajhah* menceritakan dalam satu riwayat: "Suatu hari aku masuk ke rumah Nabi berserta Fatimah, aku mendapatkan Baginda sedang menangis. Lalu aku bertanya: "Wahai Rasulullah apa yang membuat tuan menangis? Baginda menjawab: "Wahai Ali, pada malam aku diangkat ke langit, aku melihat kaum perempuan daripada umatku diseksikan dengan neraka dengan bermacam-macam seksaan. Lalu aku menangis kerana begitu berat seksaan mereka yang aku lihat. Sayidina Ali berkata: "Apa yang anda lihat wahai Rasulullah?" Rasulullah bersabda: "Aku lihat seorang perempuan yang tergantung dengan lidahnya, sedang api neraka yang sangat panas dituangkan ke dalam lehernya dan aku lihat seorang perempuan yang tergantung dengan rambutnya sehingga mendidih otak kepalanya dan aku lihat pula seorang perempuan yang tergantung dua kakinya dalam keadaan terikat dan dilumurkan minyak tanah pada seluruh badanya lalu dituangkan air panas pada lehernya....."

Anakandanya Siti Fatimah berkata: "Khabarkan kepadaku apa yang menyebabkan mereka diseksikan?" Baginda bersabda: "Adapun perempuan yang tergantung dengan lidahnya dan air panas dituangkan ke dalam lehernya itu kerana dia sering menyakiti hati suaminya. Sementara perempuan yang tergantung dengan rambutnya sehingga mendidih otak kepalanya adalah disebabkan dia tidak mahu menutup aurat (rambut) daripada lelaki lain. Adapun perempuan yang tergantung dengan dua kakinya itu adalah disebabkan dia keluar

rumah tanpa izin suaminya..."

Betapa dahsyatnya seksaan yang akan di terima, jika kita mengabaikan hak suami, tidak menghormati apatah lagi menyakiti hatinya.

Sebenarnya bukan tidak boleh para isteri menegur suami, tetapi ia memerlukan masa yang sesuai dengan dibawa berbincang, ketika keadaan mengizinkan. Bukan dengan membebek sepanjang hari.

Tetapi apa yang berlaku hari ini ialah adanya segelintir isteri yang tergamacam bercakap kasar dan mengherdik suaminya kerana tidak mendapat apa yang diinginkan, sehingga kadang-kadang sampai tidak bertegur berhari-hari dan bermasam muka.

Lebih dahsyat dan buruk lagi apabila isteri membanding-bandingkan suaminya dengan suami orang lain yang mampu memberikan permintaan isterinya, sekali gus dilabelkan pula sebagai suami mithali. Betapa rendahnya martabat suami. Jadi, suami mana yang tidak tersentuh dengan ungkapan-ungkapan sedemikian ?

Sebenarnya bukan tidak boleh sama sekali meminta sesuatu daripada suami tetapi janganlah sampai memaksa mereka menuruti kemauuan isteri sehingga membebangkan mereka. Apalah gunanya, jika suami berhutang sana dan sini hanya untuk memenuhi hasrat isteri. Mintalah mengikut kemampuan suami dan sentiasa bersifat "qana'ah" atau bersyukur dengan apa yang diberikan, kerana bagi isteri yang sedemikian akan mendapat keredhan daripada Allah. Sebaliknya bagi isteri yang tidak pernah menghargai atau bersyukur, Allah tidak akan memandang kepadanya, sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud:

" Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada seorang isteri yang tidak bersyukur kepada suaminya".

(Hadis riwayat an-Nasa'i)

Islam juga menyarankan supaya para isteri melakukan kerja-kerja rumah

seperti memasak, menyuci pakaian, mengasuh dan menjaga anak-anak, melayani kehendak suami dan sebagainya dengan penuh ikhlas dan tabah. Mungkin bagi setengah orang ia agak sukar untuk dilaksanakan apatah lagi dalam situasi isteri yang sama-sama bekerja. Namun percayalah ia bukan saja akan menjadi perkara biasa tetapi juga ringan dan lancar jika kita menganggapnya sebagai ibadah dan juga satu jihad.

Marilah kita sama-sama merenungi kisah anakanda kesayangan Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* iaitu Siti Fatimah *az-Zahra'* yang melaksanakan rutin hariannya sebagai seorang suri rumah tangga tanpa pembantu rumah. Suatu hari Fatimah telah meminta suaminya Sayidina Ali supaya menemui Rasulullah dan meminta jasa baik Baginda untuk menyerahkan seorang wanita tawanan perang sebagai pembantu rumah mereka.

Rasulullah *Sallallahu Alaihi wasallam* bagaimanapun tidak dapat memperkenankan permintaan puterinya kerana semua harta rampasan perang termasuk wanita-wanita itu tidak menjadi milik Baginda, tetapi milik negara Islam dan kaum Muslimin. Baginda tidak dapat memberikan sesuatu yang bukan menjadi miliknya.

Permintaan Fatimah itu membimbangkan Baginda, bukan kerana tugas berat yang sedang dipikul oleh puterinya itu tetapi disebabkan oleh bayangan keluh kesah seorang isteri yang tertekan akibat tugas-tugas yang perlu dilaksanakannya.

Pada sebelah malamnya Baginda telah mengunjungi rumah Fatimah dan menyatakan kepadanya: " Apakah kamu berdua (Ali dan Fatimah) suka kepada pemberian yang akan ku berikan ini, sedangkan ia lebih baik daripada apa yang kamu minta pada siang hari tadi?"

Fatimah amat sukacita mendengarkan tawaran tersebut sekalipun dia tidak mengetahui apa bentuknya. Rasulullah menyatakan kepada Fatimah bahawa hendaklah dia membaca *Subhanallah, Alhamdulillah* dan *Allahu Akbar* sebanyak 33 kali setiap hari sebelum tidurnya.

Semenjak itu wirid yang diajarkan oleh Rasulullah telah menjadi amalannya dan suaminya. Hasilnya Fatimah mendapat dia tidak lagi menjadi keluh kesah dalam menghadapi apa jua kerja-kerja sehariannya yang berat, malah merasa cukup bahagia melakukannya.

Apa yang berlaku pada hari ini, hampir sebahagian besar keluarga mempunyai pembantu rumah, yang bertanggungjawab menguruskan semua kerja-kerja rumah, termasuk menyediakan makanan, pakaian dan sebagainya. Tanpa pembantu terasa pincang pentadbiran rumah tangga dan banyak perkara yang tidak dapat diuruskan dengan baik dan teratur. Kenapa? Sudah pasti jawapanya mudah, tidak cukup masa untuk melakukan kerja-kerja tersebut memandangkan kita wanita berkerjaya.

Adakah jawapan itu tepat? Kita harus sedar, selaku isteri, ibu dan juga wanita yang berkerjaya kita harus pandai dan bijaksana dalam mengatur dan membahagikan tugas dan masa. Jika di amat-amati betapa ruginya kita selama ini selaku isteri membiarkan kerja-kerja tersebut ditangani oleh pembantu rumah. Betapa tidaknya, jika kerja-kerja tersebut dilakukan sendiri dengan hati yang ikhlas, dengan mudah saja kita mendapat ganjaran atau pahala yang berlipat ganda.

Bagi para suami pula, sifat tolak ansur dan saling bekerjasama amat diharapkan. Isteri telah melakukan pengorbanan mencari rezeki tambahan untuk menyara keluarga yang sepatutnya menjadi tanggungjawab suami. Jadi apalah salahnya, kiranya para suami bersama-sama membantu kerja-kerja di rumah. Bukankah ini salah satu ciri keluarga harmoni?

Keharmonian rumah tangga akan terbentuk jika suami dan isteri saling faham memahami, bekerjasama, bertolak ansur, berunding dalam menyelesaikan masalah dan tidak mementingkan diri sendiri. Oleh itu tanamkan cir-ciri yang membawa keharmonian berumah tangga itu, agar kita akan hidup bahagia di dunia dan akhirat.

Wallahu a'lam.

# MISSING THE FRIDAY PRAYER

**Question :**

What is the Islamic ruling relating to missing the Friday Prayer due to the refusal of the departmental head in allowing one to leave one's work [for prayer]?

What are the categories of excuses or justifications for missing the Friday Prayer?

What should one do if prohibited from leaving his shift during the time of the Friday Prayer? It should be noted that the shift can be taken over by workers who are not obliged to perform the Friday Prayer, such as women and non-Muslims. And what should be done if nobody is willing to take over that shift?

What is the ruling relating to a head who does not allow his staff to perform the Friday Prayer when he can solve the problem by assigning (or hiring new staff) from among those who have no obligation to perform the Friday Prayer?

**Answer:**

الحمدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ  
وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ  
وَعَلٰىٰ أَهٰءٰهٰ وَصَاحِبِهِ أَجْعَنِ، أَللّٰهُمَّ  
هَدِئَايَةً لِلصَّوَابِ، وَبَعْدٌ

The law relating to the Friday Prayer is that of individual duty (*fardhu 'ain*) when all conditions for their obligatory holding and legality are met.

The proof of the obligatoriness of the Friday Prayer may be found in the words of Allah *Ta'ala*:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ  
لِلصَّلٰوةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْتَعِرُوا إِلٰى  
ذِكْرِ اللّٰهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذِلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ  
إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

**Meaning:** "O you who believe! When the *âdâzân* (call) is heard for prayer of the day of congregation (Friday), haste to remembrance of Allah (by performing the Friday Prayer) and leave your trading. That is better for you if you did but know (the truth)."

(*Sûrah al-Jumu'ah*: 9)

Rasulullah *Šallallâhu 'alaihi wasallam* also elaborated on the obligatoriness of the Friday Prayer in saying:

رَوَاحُ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ عَلٰى كُلِّ  
مُحْتَلِمٍ

(*Rواه النسائي*)

**Meaning:** "The Friday Prayer is not obligatory upon a traveller or sick person."

(*Hadith narrated by al-Baihaqi*)

Imam an-Nawawi says in the same book: "And the Friday Prayer is not obligatory upon those who have valid excuses; they are given a concession not to perform the collective prayer." (*Kitâb Mughnî al-Muhtâj* 1/376)

Ibn 'Abbas says that: "The Friday Prayer is like collective prayers."

Valid excuses that permit one not to perform the Friday Prayer include being occupied with the funeral of the dead when it is feared decay will occur if delayed, or having diarrhea that may potentially defile the mosque. Imam ar-Rafî'i also mentions in his *Kitâb at-Tatimmah* about the collective prayer that prisoners (being arrested) are included among those who have valid excuses. (*Kitâb Mughnî al-Muhtâj* 1/376)

Ash-Shirazi says in his *Kitâb al-Muhadâdzab*: "The Friday Prayer is not obligatory upon those who worry about a potential threat to themselves or their property. This can be seen in the *hadîth* transmitted by Ibn 'Abbas *Râdiyallâhu 'anhu*, that the Prophet *Šallallâhu 'alaihi wasallam* has said:

مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ فَلَمْ يُجِّهْ فَلَا صَلٰةَ  
لَهُ إِلٰا مِنْ عُذْرٍ ؟ قَالُوا : يَا رَسُولَ  
اللّٰهِ وَمَا الْعُذْرُ ؟ قَالَ: حَوْفٌ أَوْ  
مَرَضٌ

(*Rواه أبو داود*)

**Meaning:** "To perform the Friday Prayer as early as possible is obligatory upon anyone who experiences a wet dream, attaining puberty or legal maturity (*bâligh*)."

(*Hadith narrated by an-Nasa'i*)

*Kitâb Mughnî al-Muhtâj* notes that Islamic law has specified the conditions for the obligatory holding of the Friday Prayer upon any legally capable Muslim, that is on attaining legal maturity or puberty, being sane in mind, free, male, a permanent resident, and healthy, and being under no hindrance such as fear, nakedness, hunger or thirst. The Friday Prayer is not obligatory upon children and insane persons, in the same way as those specified for other prayers. Imam an-Nawawi says in his *Kitâb ar-Raudhah*: "The Friday Prayer is not obligatory upon the enraged since he is like an insane person, nor upon a slave, a woman, and a rightful traveller, as the Prophet *Šallallâhu 'alaihi wasallam* has said:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلٰى كُلِّ  
مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلٰى أَرْبَعَةِ: عَبْدٌ  
مَمْلُوكٌ أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ

(*Rواه أبو داود وغيره*)

**Meaning:** "The Friday Prayer is imperative and obligatory upon any Muslim except four: a slave under possession, woman, child, or sick person."

(*Hadith narrated by Abu Daud and others*)

The Prophet also has said:

لَا جُمُعَةَ عَلٰى مُسَافِرٍ وَلَا عَلٰى  
مَرِيضٍ

The Friday Prayer is not obligatory upon those who encounter rain on their way to the mosque that makes their clothing wet and obstructs their aim to pray, those who take care of a sick person requiring continuous attention, and those whose family member, son/brother-in-law, or

beloved is dying. (*Kitāb al-Muhadzdab* 1/152)

Ash-Shirazi also notes the valid excuses that allow one not to perform the collective prayer include heavy rain, a muddy path, a stormy and extremely dark night, and the availability of ready-to eat-food when one is hungry, or the necessity to release fart, faeces or urine.

Among those who are permitted not to perform the collective prayer are those who fear potential harm coming to themselves or their property and those who are sick. (*Kitāb al-Muhadzdab* 1/131)

Imam an-Nawawi states that the excuses include conditions when somebody fears others will inflict harm to him or his property, or when he defends himself against a ruler or any other person who may do injustice to him, or when he is afraid of a creditor who may send him to jail or when he has to repay a debt and is unable to do so. Also included in the category of fear of what may harm one's property is when bread is baked in the kitchen and the saucepan is put on fire and nobody, other than oneself, is able to undertake the cooking. (*Kitāb al-Majmū'* 4/100)

From the explanation of concessions which allow one not to perform the Friday Prayer, it is clear that the condition of the staff assigned to carry out essential work during the time of the Friday Prayer qualifies for a valid excuse permitted by Islam. Similar excuses may be applied to a person who takes care of the sick requiring continuous care, or a person who must continue his work in obedience to his superior. In Islam obedience to a superior is obligatory on matters that do not involve immorality and disobedience to Allah and His Messenger. Allah *Ta'āla* says on this:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُواْ أطِبِعُواْ اللَّهَ وَأطِبِعُوا  
الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَمْرٌ مِنْكُمْ  
(سورة النسا: ٥٩)

**Meaning:** "O you who believe! Obey Allah, and obey the Messenger and those of you who are in authority (uli al-amr)." (*Sūrah an-Nisā': 59*)

Rasulullah *Šallallāhu 'alaihi wasallam*

also explains this in his *hadīth*, transmitted by Ibn 'Umar, saying:

عَلَى الْمَرءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالظَّاعْنَةُ  
فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمِنْ  
بِمَعْصِيَةِ، فَإِنْ أَمْرٌ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعُ  
وَلَا طَاعَةُ

(رواه مسلم)

**Meaning:** "It is obligatory upon a Muslim to listen to and obey his superior, whether he likes it or not, unless he is ordered to commit *ma'siyah* (defiance to Allah). If he is so ordered, then there is no obligation to listen to and obey [that order]."

(*Hadīth narrated by Muslim*)

It is important to bear in mind that those officers who are given a task should not expect or hope to have this occur during the time of the Friday Prayer so that they can be freed from performing the Friday Prayer. Moreover, it is obligatory upon a superior to pay attention to and wisely seek ways when arranging a schedule for his workers and staff working on Fridays so that none among those who have to perform the Friday Prayer may miss the Friday Prayer. For example, in a wise manner, if possible, supervisors should assign those who have no obligation to perform the Friday Prayer, like female staff and workers or non-Muslims, to undertake particular tasks on Fridays. Otherwise, Muslim staff and workers may be allowed to participate in the Friday Prayer and after that be expected to resume, taking over their task from female or non-Muslim workers.

If none among the staff are allowed not to perform the Friday Prayer, that is, all have the obligation to pray, it is important, therefore, to prevent any of the staff missing the Friday Prayer continuously or in consecutive weeks. In other words, they should be assigned to work on alternate Fridays. For instance, this Friday A is on duty while B performs the Friday Prayer; next Friday, A performs the Friday Prayer while B is on duty, and so on.

It is worth noting that the warning concerning the missing of consecutive Friday Prayers without valid reason is severe and serious.

Several *ahādīth* (prophetic traditions) of

Rasulullah *Šallallāhu 'alaihi wasallam* strongly warn those who do not perform the Friday Prayers without valid excuses, since such an act is the sign of hypocrites and the cause of calamity in this world and in the hereafter.

The Prophet *Šallallāhu 'alaihi wasallam* has said:

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلَاثًا مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ  
فَقَدْ تَبَدَّلَ إِلَيْهِ إِسْلَامُ وَرَاءَ ظَهِيرَةِ  
(رواه الترمذ)

**Meaning:** "Whoever misses three consecutive Fridays throws Islam behind his back (he quits it)."

(*Hadīth narrated by al-Baihaqī*)

In another *hadīth*, the Prophet also has said:

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلَاثًا مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ  
فَهُوَ مُنَافِقٌ  
(رواه ابن حبان)

**Meaning:** "Whoever misses three consecutive Friday Prayers without valid reason, he belongs to the hypocrites."

(*Hadīth narrated by Ibn Hibban*)

And the Prophet *Šallallāhu 'alaihi wasallam* has said to a group of people who had not performed the Friday Prayer:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ  
لِقَوْمٍ يَتَحَلَّفُونَ عَنِ الْجُمُعَةِ لَقَدْ  
هَمَمْتُ أَنْ أَمْرَ رَجُلًا يُصَلِّي  
بِالنَّاسِ، ثُمَّ أُخْرِقَ عَلَى رِحَالٍ  
يَتَحَلَّفُونَ عَنِ الْجُمُعَةِ بِيَوْمِهِمْ  
(رواه مسلم)


**Meaning:** "The Prophet *Šallallāhu 'alaihi wasallam* said to a group of people who had not performed the Friday Prayer: "I seriously intended to order a man to lead the collective prayer among people, so then I shall set on fire the houses of those men who miss the Friday Prayer."

(*Hadīth narrated by Muslim*)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

## BUKU FATWA MUFTI KERAJAAN DAN IRSYAD HUKUM MENDAPAT SAMBUTAN

Oleh : Haji Yakob bin Haji Metali



Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam walaupun baru berusia 9 tahun namun telah berjaya menerbitkan lebih 30 judul buku. Buku-buku yang diterbitkan kebanyakannya Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum. Buku terbaru yang diterbitkan ialah Fatwa Mufti Kerajaan 2002, Irsyad Hukum 2002 dan Fatwa Mufti Kerajaan 1996 versi Inggeris.

Buku-buku yang diterbitkan dipasarkan melalui penyertaan pesta-pesta buku dan jualan di dalam dan di luar negeri.

Sempena Persidangan Pustakawan Asia Tenggara ke 12 pada 19 – 23 Oktober, 2003 Jabatan Mufti Kerajaan telah menyertai Pesta Buku Perpustakaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Brunei Darusalam.

Sementara pada 22 – 23 November, 2003, sempena Majlis Konvokesyen Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pula, Jabatan Mufti Kerajaan menyertai Pesta Konvo di Maktab tersebut.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Kesihatan ketika melawat gerai pameran Jabatan Mufti Kerajaan sebaik saja sempurnanya Majlis Konvokesyen Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.



Timbalan Menteri Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman ketika melawat gerai pameran Jabatan Mufti Kerajaan yang telah diadakan di Pusat Persidangan Antrabangsa sempena Persidangan Pustakawan Asia Tenggara ke 12.

Buku Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum mendapat sambutan yang menggalakkan di kedua-dua pesta buku itu, terutamanya buku-buku terbitan terbaru.

## IRSYAD HUKUM DI TELEVISYEN

Oleh : Haji Yakob bin Haji Metali

Sebagai satu usaha untuk menyebarkan ilmu dan maklumat Islam kepada orang ramai, khususnya Umat Islam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah mengusahakan rancangan Irsyad Hukum di radio yang di siarkan melalui rangkaian Nur Islam.

Bagi mengembangkan lagi ilmu dan maklumat itu diusahakan pula penerbitan Irsyad Hukum yang disiarkan di televisyen. Untuk tahun 2003 ini beberapa buah rancangan telah diterbitkan. Sebuah rancangan disiarkan sempena Nisfu Sya'ban dan menjelang Ramadhan dan 5 rancangan yang disiarkan sempena 'Idulfitri.

Awang Haji Japar Bin Haji Maidin, Ketua Pegawai Istana, Jabatan Mufti Kerajaan ketika menyampaikan Irsyad Hukum yang dirakam di Darulifta Brunei Darusalam.



Sebahagian daripada penuntut yang terdiri daripada penuntut-penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan ketika rakaman rancangan Irsyad Hukum.

# PERANAN MUFTI TERDEDAH KEPADA RISIKO: SYURGA ATAU NERAKA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَنْزَلَ الْقُرْءَانَ هُدًى  
لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ،  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، صَلَّى وَسَلَّمَ وَبَارَكَ  
عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَصَاحْبِيهِ أَجْمَعِينَ، وَارْحَمْ اللَّهُمَّ  
مَشَايِخَنَا وَالدِّيَنَا وَأَمْوَاتَنَا وَأَمْوَاتَ  
الْمُسْلِمِينَ، آمِينَ. أَمَّا بَعْدُ

Saya bersyukur dengan melafazkan *Alhamdulillah*, kerana dengan izinNya jua dapatlah saya bersama-sama para ilmuan di majlis yang berkat ini. Terima kasih kepada pihak pengajur kerana sudi menjemput saya selaku tetamu untuk merasmikan Seminar Fatwa Dan Mufti ini.

Mungkin saja kandungan seminar atau kertas-kertas yang dibentangkan di sini telah pernah dibaca atau dibincangkan pada masa-masa yang lalu, namun dari segi kepentingan *muthala'ah* atau ulangkaji sesuatu itu, maka seminar hari ini tetap penting dan relevan.

Apa sahaja ilmu, lebih-lebih lagi ilmu syari'at, adalah memerlukan ulangkaji dan penghayatan. Saya sebutkan contohnya, berapa ramai orang yang hafaz ayat-ayat al-Qur'an, tetapi hafalannya itu hilang atau tidak mantap. Tidak usah 30 juzuk, satu surah tertentu seperti surah Ya Siin sahaja pun, jika kita sudah hafal, adalah memerlukan untuk ia dibaca selalu, seolahnya tiap-tiap hari, sekurang-kurangnya sekali dalam sehari, jika tidak, hafalan itu akan hilang. Begitu pula dengan doa-doaa dan zikir-zikir, berapa banyak sudah yang pernah dihafal tetapi hilang, kerana tidak diulang, tidak diamalkan terus menerus.

Di sini kita lihat surah al-Fatiha. Tidak ada masalah bagi kita, kerana apa? Kerana ia sudah kita baca dan hafal sejak kecil lagi. Kemudian sesudah kita baligh sehingga tua, ia tetap kita baca, paling tidak 17 kali dalam sehari semalam. Jadi lancarlah ia. Segarlah ia dalam ingatan kita.

Ah, ini dia kepentingan *muthala'ah*, kepentingan mengulang-ulang ilmu.

Satu perkara ingin saya sentuh bersabit dengan seminar ini ialah mengenai dengan teori dan amali fatwa.

Secara umum, teori fatwa akan dapat kita

dengar dalam seminar ini. Ia hanyalah sebagai 'ilmu simpanan' jua untuk pembentang-pembentang kertas kerja dan para peserta. Mengapa demikian? Kerana para pembentang dan peserta bukannya mufti. Samalah juga seperti kita bercakap mengenai hal ehwal masak memasak, sedang kita sendiri tidak memasak. Namun kita boleh bercakap dan faham ilmu masak-memasak itu. Kita tahu sup: ini resepinya. Kueh serupa benasi : ini resepinya. Maknanya walaupun ia teori, namun tetap berguna sebagai ilmu.

Adapun amali (praktikal) fatwa, sangat jauh berbeza dengan teorinya. Bercakap dan membuat teori mudah sahaja, tetapi melaksanakannya tidaklah semudah yang dicakapkan/diteorikan. Ia adalah satu kerja yang sukar dan amat mencabar, mengapa? Bukankah fatwa itu hukum Allah Ta'alaa? Ia bukan hukum mufti. Mufti hanya menyampaikan dan memberitahu sahaja. Kerana itulah ulama-ulama yang terdahulu sangat takut dan berhati-hati untuk memberikan fatwa. Pertama kerana takutkan risiko di hadapan Allah, atau terlalu warak sehingga ada yang berkata: "Sekiranya bukan kerana takutkan hilangnya ilmu, nescaya saya tidak akan memberikan fatwa kepada sesiapa juga."

Imam Ahmad bin Hanbal *Rahimahullah* pernah berkata: "Barangsiaapa yang mendedahkan dirinya kepada memberikan fatwa, dia telah mendedahkan dirinya kepada suatu perkara besar, kecuali dalam keadaan terpaksa" Beliau ditanya: "Jadi manakah yang lebih utama: Menjawabkah ataupun diam sahaja?" Beliau menjawab: "Berdiam diri adalah lebih aku sukai." Beliau ditanya lagi: "Bagaimana jika dalam keadaan terpaksa?" Beliau menjawab: "Jika dalam keadaan terpaksa, maka terpaksalah juga."

Seterusnya beliau menambah: "Tetapi berdiam diri adalah lebih selamat. Mufti mestilah sedar, dia menjatuhkan hukum adalah bagi pihak Allah Ta'alaa mengenai dengan suruhan dan laranganNya, dan dia bertanggungjawab mengenainya."<sup>(1)</sup> Atas faktor memberi fatwa itu bukan perkara mudah dan bukan juga perkara yang boleh berkurang lebih, maka Ibnu 'Abbas *RadhiAllahu anhuma* sampai berkata:

مَنْ أَفْتَى النَّاسَ فِي كُلِّ مَا يَسْتَفْتُونَهُ  
فَهُوَ مَحْتُونٌ<sup>(2)</sup>

**Ertinya:** "Barangsiaapa yang (dengan mudah sahaja) memberikan fatwa terhadap semua pertanyaan orang ramai, maka dia adalah orang gila."

Sufyan bin 'Uyainah dan Sahyun bin Sa'ed *Rahimahumallah* pula berkata:

أَخْسَرَ النَّاسَ عَلَى الْفَتَيَا أَفْلَمُهُ عَلَمًا<sup>(3)</sup>

**Ertinya:** "Orang yang paling berani memberikan fatwa itu ialah orang yang paling sedikit ilmunya."

Ucapan Yang Dimuliakan Lagi

Dihormati Pehin Datu Seri

Maharaja Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Fatwa dan Mufti, anjuran Universiti Brunei Darussalam pada 29 Sya'aban, 1424 bersamaan 25 Oktober, 2003 di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Sebab itulah, terjadi perkara-perkara aneh kepada ulama-ulama di zaman silam, sekalipun mereka itu sebenarnya tahu kedudukan masalah, tetapi mereka lebih gemar menjawabnya dengan "tidak tahu" apabila ditanya. Imam Ahmad bin Hanbal sebagai misal, dan Imam Malik bin Anas hanya menjawab 32 masalah dari 48 pertanyaan yang ditanyakan kepada beliau, sementara selebihnya dijawab dengan "saya tidak tahu."<sup>(4)</sup>

Etika berfatwa sebenarnya cukup ketat dan kemas. Al-Qabab Ahmad bin Qasim bin Abdul Rahman (799H/1377M) Mufti Bandar Fes, apabila ditanya tentang seseorang yang hafaz al-Qur'an tetapi tidak tahu perkara-perkara fiqh, apakah orang seperti ini boleh memberikan fatwa? Beliau menjawab :

الَّذِي يُفْتَنُ النَّاسُ بِمَا يَرَى فِي  
الْكُتُبِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَقْرَأَ عَلَى  
الشَّيْوخِ لَا يَحْلُّ لَهُ .....<sup>(5)</sup>

**Ertinya:** "Berfatwa kepada orang ramai hanya dengan melihat kepada kitab-kitab tanpa pernah membacanya (berguru) kepada guru-guru, adalah itu tidak halal (tidak harus)."

Saya berpendapat, manakala seseorang itu mempunyai asas-asas pengetahuan dalam ilmu syara', maka bolehlah dia memberikan jawapan sekadar yang dianggapnya betul berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an umpamanya, tetapi bukanlah itu fatwa, malainkan masih sahaja tergantung kepada pengesahan oleh mufti.

Perkara ini dapat dilihat atau diambil *i'tibar* daripada riwayat ini :

Seorang sahabat pernah bersumpah ke atas isterinya dengan berkata: "وَمَنْ لَا أَفْرَكْ حِلَّةَ"

**Ertinya:** "Demi Allah, aku tidak akan mendekatimu (menggaaulimu) buat seketika."

Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* pada masa itu di dalam waktu *fitnah* (tidur tengahari). Jadi sahabat ini tidak mahu mengganggu Baginda, sedang dia musykil tentang makna *حِلَّةَ*

itu? Jika makna biasa ialah "seketika," tetapi berapakah panjang atau lamanya seketika itu? Adakah sejam? Atau sehari? Atau seminggu? Atau sebulan? Atau setahun? Dia tidak tahu. Tetapi yang pasti, lafadz sumpah telahpun benar-benar diucapkan. Bila mana sumpah diucapkan, maka wajiblah menunaikannya. Tetapi berapa lamakah sehingga dia akan dihalalkan semula menggauli isterinya?

Inilah yang masih menjadi musykil baginya. Lalu dia pun, mula-mula sekali menemui Sayyidina Abu Bakar as-Siddi Radhiallahu 'anhу: "Wahai Abu Bakar, saya telah bersumpah tidak akan menggauli isteri saya (buat seketika). Berapakah kadar حین itu?" Menjawab Sayyidina Abu Bakar: "Engkau tidak boleh menggauli isterimu sampai mati, seumur hidup."

Allah, Allah, rupa-rupanya حین ini ialah sampai mati. Sangat berat baginya.

Dia beralih menemui Sayyidina Umar bin al-Khattab Radhiallahu 'anhу pula: "Wahai Umar, saya telah bersumpah tidak akan menggauli isteri saya حین. Saya tidak tahu berapakah kadar حین itu?"

Berkata Sayyidina 'Umar: "Engkau tidak boleh menggauli selama 40 tahun."

Sekarang ada dua fatwa yang berbeza, satu amat menekan: seumur hidup, dan satu lagi agak melegakan hanya 40 tahun.

Sahabat ini pergi pula kepada Sayyidina 'Othman Radhiallahu 'anhу memberitahu perkara yang sama, dan Sayyidina 'Othman berkata: "Engkau tidak boleh menggauli isterimu selama cukup-cukup setahun."

Bertambah lega lagi sahabat ini mendengarkan jawapan Sayyidina 'Othman. Sekarang sudah ada tiga fatwa yang berbeza di hadapannya.

Dia memutuskan untuk menemui seorang sahabat lagi iaitu Sayyidina 'Ali Karramallah wajhah. Dia pun pergi dan menyampaikan kemasylkilannya. Sayyidina 'Ali Karramallah wajhah menjawab: "Engkau tidak boleh menggauli isterimu selama sehari semalam sahaja."

Sayyidina Abu Bakar	:	Seumur hidup
Sayyidina 'Umar	:	40 tahun
Sayyidina 'Othman	:	Setahun genap
Sayyidina 'Ali	:	Cuma sehari semalam sahaja.

Sahabat ini naik pening. Ini tidak boleh jadi, mesti pergi juga mengadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam untuk mendapatkan jawapan (fatwa) yang muktamad.

Sahabat ini pun menerangkan kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam satu persatu kedudukan masalah serta fatwa-fatwa yang diterimanya daripada empat orang sahabat tadi.

Nabi pun memanggil keempat-empat sahabat dan bertanya:

"Wahai Abu Bakar, apakah benar engkau telah

berfatwa kepada lelaki ini, bahawa حین itu ialah seumur hidup?"

Menjawab Abu Bakar, "Ya, benar wahai Rasulullah."

"Mengapa?" tanya Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam.

Menjawab Abu Bakar: "Kerana Allah ada berfirman kepada kaum Nabi Yunus: ﴿فَلَمَنِتُمْ فَمُنْتَهِمُّ إِنَّمَا حِينٌ﴾ (2)

(Maka merekapun beriman, lalu kami biarkan mereka itu menikmati kesenangan hidup sehingga ke suatu masa: ) إِنَّمَا حِينٌ

Ungkapan ini tidak menjelaskan had-had masa tertentu, kerana itulah Sayyidina Abu Bakar berpendapat, bahawa makna حین di sini ialah sampai mati/seumur hidup.

"Engkau pula wahai Umar, mengapakah engkau fatwakan selama 40 tahun?" Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam beralih kepada Sayyidina 'Umar.

Sayyidina 'Umar menjawab: "Bukankah Sayyidina Adam 'alaihissalam itu sentiasa dalam bentuk طین (tanah) selama 40 tahun sebelum ditutupkan ruh? Firman Allah Ta'ala:

هَلْ أَتَىٰ عَلَىٰ إِلَيْسَنِ حِينٍ مِّنْ الْدُّفْرِ  
لَمْ يَكُنْ شَيْئاً مَذْكُورًا (7)

"Baik, engkau pula wahai 'Othman, mengapakah حین itu engkau katakan sebagai setahun genap?"

Menjawab Sayyidina 'Othman: "Saya ambil dan berdalil wahai Rasulullah daripada firman Allah:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مثَلًا كَلِمَةَ  
طَيْبَةَ كَشْجَرَةَ طَيْبَةَ أَصْلُهَا ثَابِتَ  
وَقَرْعُهَا فِي آسَمَاءِ تُؤْتَىٰ أَكْلُهَا كُلَّ  
حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا (8)

Astyajarah dalam ayat ini ialah التحلة (pokok kurma). Pokok kurma itu, wahai Rasulullah! Hanya berbuah sekali sahaja pada setahun. Jadi tentulah makna حین di sini ialah setahun."

"Dan engkau pula, wahai 'Ali! Mengapakah engkau berpendapat yang حین itu ialah sehari semalam?"

Menjawab Sayyidina 'Ali: "Saya berdalil dari firman Allah Ta'ala:

قُسْبَحَنَ اللَّهُ حِينَ تُنْسُوتَ وَحِينَ  
تُضْبِحُونَ (9)

("Maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu pagi.").

Tidakkah dari ayat ini makna itu adalah tidak lebih dari satu hari dan satu malam sahaja?

Begitulah hebatnya para sahabat ini, masing-masing telah berdalil dengan ayat-ayat al-Qur'an belaka, di mana Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam kelihatan tidak membantah, dalam makna tidak mempersalahkan sesiapapun. Cuma, selaku pemegang hukum yang berautoriti, Baginda menghukumkan sejarah dengan maslahat dan hikmah – supaya dipilihlah pendapat Sayyidina 'Ali dengan berkata kepada sahabat yang bersumpah tadi: "Engkau ambillah pendapat 'Ali, kerana ia lebih mudah untukmu."

Dalam era kita sekarang, yang berautoriti itu ialah mufti. Bayangkan jika tidak ada mufti, semua orang mahu menegakkan pendapat masing-masing, apa akan jadi?

Di sinilah indahnya, dan malah supaya sesebuah negara itu sentiasa beroleh keamanan dan keselamatan, ia mustahaklah bermufti. Sebab itu, hampir semua negara umat Islam di dunia mempunyai mufti.

Inilah peranan mufti, dan peranan ini jangan lupa, terdedah kepada risiko: Syurga atau neraka. Saya mohonlah dengan segala rendah hati kepada tuan-tuan, khasnya para ulama, supaya mend奥akan saya dan seluruh mufti-mufti, semoga Allah memelihara kami daripada risiko yang kedua ini. *Wal iyazubillahi min zalik*. Amin.

Saya dengan tulus ikhlas mengucapkan tahniah kepada pihak pengajur, Universiti Brunei Darussalam yang menganjurkan seminar yang sangat bermilai ini. Maka dengan :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَأَصْلَىٰ وَأَسْلَمَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَآلِهِ وَصَحْبِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ  
لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ،

saya rasmikan seminar fatwa dan mufti ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### (Footnotes)

1. Ibn Rajab, Majmu'at ar-Ras'il al-Minbariyah, 1:11
2. Dr. Ahmad Badruddin Hussin, al-Mawsu'ah fi Adab al-Fatawa, halaman 42. 3. Ibid, halaman 47.
3. Rujuk: al-Mawsu'ah Fi Adab al-Fatawa, halaman 40-52.
4. Rujuk: al-Mawsu'ah Fi al-Adab al-Fatawa, halaman 40-52.
5. As-Safaat: 148
6. Al-Insan : 1
7. Ibrahim : 24 & 25
8. Ar-Rum : 17

# Memperlindungkan Puteri, Menantu Dan Anak Cucu Dengan Allah Ta'ala

Salah satu akhlak Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* ialah kebiasaan Baginda memperlindungkan diri, keluarga dan orang lain dengan Allah Ta'ala daripada kejahanan diri, syaitan, Iblis dan lain-lain kejahanan.

Di antara peristiwa yang Baginda lakukan untuk keluarga sendiri ialah ketika Baginda melepaskan puteri kesayangan Baginda, Fatimah *Radhiallahu 'anha* kepangkuhan Sayyidina 'Ali *Karramallahu wajhah* setelah keduanya bernikah.

Ringkasan peristiwa sebagaimana yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radiallahu 'anhu* seperti berikut:

Ketika Abu Bakar dan 'Umar *Radiallahu 'anhuma* memaklumkan kepada 'Ali *Karramallahu wajhah* bahawa keduanya secara berasingan telah melamar Fatimah binti Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* untuk keduanya, dan lamaran itu tidak berjaya kerana Baginda diam saja, maka 'Ali dengan segera pergi menemui Baginda lalu berkata: "Wahai Rasulullah, engkau telah pun mengetahui bahawa aku termasuk orang yang terawal memeluk Islam dan menjadi sahabatmu, dan sesungguhnya aku..... dan sesungguhnya aku...."

Baginda bertanya: "Apa dia wahai 'Ali?" 'Ali menjawab: "Kahwinkanlah aku dengan Fatimah".

Baginda bertanya: "Ada apa-apa barang milikmu?"

'Ali menjawab: "Kudaku dan badanku", yakni "Baju besiku". Kemudian Baginda bersabda: "Adapun kudamu masih engkau perlukan, manakala baju besimu bolehlah engkau jual."

'Ali menjual baju besinya dengan harga empat ratus lapan puluh dinar? Hasil jualan itu dibawanya pulang dan diletakkan di hadapan Baginda *Salallahu 'alaihi wasallam*. Baginda mengambil sebahagianya dan menyerahkannya kepada Bilal *Radiallahu 'anhu* untuk membeli wangi-wangian.

Dalam pada itu Ummu Aiman *Radiallahu 'anha* datang dan bertanya kepada Baginda: "Adakah engkau wahai Rasulullah telah mengkahwinkan dia ('Ali) dengan puteri tuan?"

Baginda menjawab: "Ya, sudah".

Selepas itu baginda menyuruh Fatimah membawakan air bersih. Apabila air itu dibawakan Fatimah, Baginda mengambilnya dan memasukkan sebahagiannya ke mulut mulia Baginda, kemudian mengeluarkannya semula ke dalam bekasnya.

Seterusnya Baginda menyuruh Fatimah berdiri, lalu Baginda merenjiskan air ke arah dada dan kepala Fatimah sambil berdoa:

اللَّهُمَّ أَعِذْهَا بِكَ وَذَرْتَهَا مِنْ  
الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

**Maksudnya:** "Wahai Allah, aku memperlindungkan dia dan anak cucunya dengan Mu daripada syaitan yang direjam"

Selepas itu Baginda menyuruh Fatimah *Radiallahu 'anha* menghadap ke belakang, lalu Baginda sekali lagi merenjis air di antara kedua bahunya, kemudian membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعِذُّهَا بِكَ وَذَرْتَهَا مِنْ  
الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

**Maksudnya:** "Wahai Allah, sesungguhnya aku memperlindungkan dia dan anak cucunya dengan-Mu daripada syaitan yang direjam"

Kemudian Baginda menyuruh menantunya 'Ali *Radiallahu 'anha* mengambil air dan melakukan perkara yang sama kepadanya. Selepas itu baginda menyuruhnya menemui isterinya *Fatimah Radhiallahu anha*.

Itulah ringkasan peristiwa Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* memperlindungi puteri, menantu dan anak cucu keduanya dengan Allah Ta'ala daripada kejahanan syaitan.

Apabila soal melepaskan puteri dan menerima menantu atau berkahwin dikaitkan dengan akhlak Baginda, maka orang tua pengantin adalah baik untuk mencontohi akhlak Baginda itu.

Jika menantu lelaki sudah sampai di rumah pengantin perempuan umpamanya, maka bapa pengantin perempuan eloklah melakukan perkara berikut:

- i. Menyuruh anaknya mengambil air bersih dalam bekas dan membawanya ke hadapan bapa. Bapa memasukkan sedikit air ke dalam mulut dan mengeluarkannya semula ke dalam bekasnya. Kemudian menyuruhnya berdiri menghadap bapa. Lalu bapa merenjiskan air ke arah dada dan kepala anak perempuannya sambil membaca doa memperlindungkan.
- ii. Kemudiansi anak membelakangkan bapa, lalu bapa merenjiskan air ke bahunya sambil membaca doa memperlindungkan.
- iii. Selepas itu bapa menyuruh menantunya mengambil air, kemudian memasukkan sedikit air ke dalam mulut dan mengeluarkannya semula ke dalam bekasnya, selepas itu menuangkan sebahagian air itu ke dada menantunya, dan membaca doa pelindung.
- iv. Bapa menyuruh menantunya membalikkan badan, kemudian menuangkan baki air itu ke bahunya dan membaca doa pelindung.

Jika perkara ini dilakukan dengan niat mengikut dan mencontohi Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam*, maka banyaklah faedah yang akan diperolehi, di antaranya ialah ganjaran pahala meneladani akhlak Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan anak menantu serta anak cucu akan dipeliharakan Allah Ta'ala kerana mereka telah diletakkan dalam perlindungan Nya. Kemudian cara yang dilakukan itu akan menggambarkan pengamalan nilai-nilai Islam di dalam sistem kekeluargaan Islam.

Sudah tentu setiap ibu bapa akan mengharapkan anak dan menantu mereka rukun damai dan bahagia serta diberkati dan dilindungi Allah Ta'ala daripada segala yang tidak diingini, seperti pergolakan rumah tangga akibat hasutan syaitan. Yang paling mereka harapkan ialah lahirnya kelak cucu cicit mereka yang salihin yang sudah pasti akan memberi manfaat kepada diri, agama, bangsa dan umat.

Untuk mendapatkan kesemua itu, eloklah ditvatamalkan apa yang disebut di dalam hadis di atas sebagai salah satu usaha meneladani akhlak Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

# DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM TERUS DILAWATI

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Darulifta Brunei Darussalam terus mendapat perhatian pelawat dari dalam dan luar negeri. Sepanjang 3 bulan terakhir tahun 2003 ini, seramai 3 rombongan pelawat telah mengunjungnya.

Pada hari Khamis 13 Syaban, 1414 bersamaan 9 Oktober, 2003, serombongan pelawat yang terdiri daripada pegawai-pegawai, pengetua-pengetua, guru-guru Besar dan Ketua-ketua guru Ugama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Pendidikan telah mengadakan lawatan ke Darulifta Brunei Darussalam.

Antara tujuan lawatan tersebut ialah untuk memberikan pengetahuan kepada mereka tentang peranan Institusi Fatwa terhadap masyarakat dan untuk mengetahui prosedur yang betul bagaimana membuat rujukan jika berlaku sebarang permasalahan yang berhubung dengan sesuatu hukum.

Rombongan pelawat telah dialu-alukan oleh Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Mufti Kerajaan dan diberi taklimat mengenai Institusi Fatwa. Kemudian mereka dibawa melawat pameran perkembangan Jabatan Mufti Kerajaan dan Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pada hari selasa 23 Ramadhan 1424 bersamaan 18 November, 2003 pula serombongan 70 orang penuntut dan guru Sekolah Menengah Sultan Syarif Ali telah melawat Darulifta Brunei Darussalam.



*Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan juga hadir dalam sesi taklimat kepada rombongan Kementerian Pendidikan (atas)*

*Sebahagian daripada rombongan ketika melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kanan)*



Sesuai dengan tujuan lawatan mereka untuk memberi pengetahuan kepada mereka tentang fungsi dan peranan Jabatan Mufti Kerajaan dalam pentadbiran negara, mereka telah diberikan taklimat mengenainya, sebelum dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sementara itu pada hari Selasa 15 Syawal, 1424 bersamaan 9 Disember,




2003 serombongan 35 orang pelawat yang terdiri daripada Pegawai Pentadbir Singapura yang sedang mengikuti program melawat sambil belajar telah melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Rombongan di ketuai oleh Mrs. Rosa Daniel, Pengarah Institut Perkembangan Polisi dan dialu-alukan oleh Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Mufti Kerajaan.



*Sebahagian daripada rombongan daripada Pegawai Pentadbir Singapura ketika melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*

# TERBITAN TERBARU

Potongan  
30%



DAPATKAN BUKU-BUKU  
TERBITAN  
JABATAN MUFTI KERAJAAN  
DENGAN POTONGAN

**HARGA 30%**

SEMASA PESTA BUKU BRUNEI 2004  
DI STADIUM TERTUTUP  
PADA 25 FEBRUARI - 5 MAC 2004

Untuk keterangan lanjut sila datang Ke DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM  
Atau Hubungi Ke BAHAGIAN PENERBITAN & PENERANGAN

Tel: 2235121, 2224955 H/P: 8785535

# UNTUK KUAT DAN CEMERLANG KEMBALI KEPADA AL-QUR'AN

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa jika benar umat Islam inginkan kekuatan dan kecemerlangan, hendaklah kembali semula kepada al-Qur'an.

*"Ini patutlah menjadi iktibar, supaya kita umat Islam di mana saja berada kembali semula kepada al-Qur'an, bukan hanya setakat membacanya, malahan juga mengambil dan memakai segala ajarannya,"* titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Sambutan Nuzul al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1424 Hijriyyah yang telah diadakan pada hari Selasa 17 Ramadhan 1424 bersamaan 11 November 2003 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Menurut titah baginda, umat Islam hari ini boleh unggul dan mahir dalam pelbagai bidang sebagaimana juga orang bukan Islam, iaitu dengan kembali kepada al-Qur'an kerana sumber kekuatan hanya ada di dalamnya.

*"Oleh itu bersempena dengan memperingati Nuzul al-Qur'an ini, maka marilah kita, bahkan seluruh umat Islam, hendaklah berpegang kuat dengan al-Qur'an, hayati dan amalkan hukum-hukumnya, ambil iktibar segala peringatan dan kisah-kisahnya, supaya umat Islam akan mendapat nafas baru, daripada lesu dan lemah kepada bertenaga dan berwibawa",* titah baginda.

Di Majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menyempurnakan penganugerahan hadiah-hadiah kepada para pemenang Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an dan surah-surah Pilihan.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an pada tahun ini dikendalikan bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1424 Hijriyyah. Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen. (Atas)*

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang pertama Kategori B, Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Suci al-Qur'an peringkat Negara Tahun 1424 Hijriyyah Dayang Thahirah @ Zahidah binti Haji Sulaiman. (Bawah)*



*Sebahagian daripada jemputan yang hadir di majlis Sambutan Nuzul al-Qur'an yang telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.*

**Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri**

Darulifta' Brunei Darussalam, Spg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam

Telefon: 2235121, 2224955 Fax: 2235120

Website: [www.brunet.bn/gov/mufti](http://www.brunet.bn/gov/mufti) E-mail: [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) dan [fatwa@brunet.bn](mailto:fatwa@brunet.bn)

Dicetak oleh: Pencetakan dan Perdagangan Borneo Sdn. Bhd.